

AKHBAR : BERITA HARIAN  
TARIKH : 29 OKTOBER 2023  
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE  
HARI : AHAD



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL BELANJAWAN 2024

## Deposit simpanan SSPN cecah RM15.94 bilion

Oleh Suraya Ali - Oktober 29, 2023 @ 8:39pm  
suraya.ali@bh.com.my



Norlizah (dua dari kanan) dan Ahmad Dusuki (dua dari kiri) pada majlis Penutup Bulan Menabung Simpan SSPN 2023 dan Sambutan Hari Tabungan Sedunia.- Foto NSTP/Aziah Azmee

KUALA LUMPUR: Simpan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) yang dikendalikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menerima deposit sejumlah RM15.94 bilion dengan sebanyak 6.11 juta akaun setakat 30 September lalu.

Pengerusinya, Datuk Norliza Abdul Rahim, berkata pihaknya terus komited untuk meningkatkan kesedaran masyarakat agar terus menabung di dalam Simpan SSPN bagi mengelakkan kebergantungan kepada pinjaman.

"PTPTN yakin usaha ini akan disokong oleh semua pihak bagi merealisasikan visi PTPTN sebagai Peneraju Tabung Pendidikan Tinggi Negara," katanya ketika berucap pada Majlis Penutup Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 dan sambutan Hari Tabungan Sedunia di sini hari ini.

Norliza berkata, misi utama PTPTN ialah memperkasakan amalan penabungan bagi mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada pinjaman.

"Usaha ini bagi memastikan anak-anak tidak dibebani hutang apabila tamat pengajian. Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga

RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen kompetitif, simpanan dijamin kerajaan dan patuh syariah," katanya.

BMS SSPN merupakan program anjuran PTPTN yang dilaksanakan sejak 2018. Ia adalah satu usaha untuk menyebarluas manfaat Simpan SSPN kepada masyarakat Malaysia bersempena dengan Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun.

BMS 2023 yang bertemakan "Robotik : Ke arah Transformasi Dunia Pendigitalan", buat julung kalinya dilaksanakan menerusi konsep jelajah merentasi 14 negeri di lokasi terpilih seluruh Malaysia sepanjang bulan Oktober 2023.

Menurut Norliza, tema Robotik yang dipilih amat signifikan kerana sains dan teknologi robot berkait rapat dengan kemajuan dan memerlukan pengetahuan tentang teknologi terkini.

"Ini selari dengan agenda pendigitalan PTPTN yang memberi fokus kepada usaha menggalakkan penggunaan aplikasi myPTPTN kepada para peminjam dan pendeposit Simpan SSPN untuk urusan yang lebih mudah, cepat dan selamat," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1170789/deposit-simpanan-sspn-cecah-rm1594-bilion>